



Keadaan (dalam wad) sangat sesak... pada satu ketika, nak jalan pun tersekat sebab katil pesakit diletak di segenap ruang. Saya bersimpati melihat pesakit dan berharap kesesakan dalam wad ini diatasi segera”

K Kanaga,
Guru



Ketika mendaftar masuk isteri pada sebelah malam, saya terkejut melihat ramai pesakit di wad berbanding di Hospital Pasir Mas”

Mohd Nasarudin Mustapa,



Selama sejam saya menahan sakit dan tidak boleh bangun sebelum ditukar ke katil biasa. Saya berharap masalah kesesakan di wad dapat diatasi segera untuk kebaikan semua, terutama pesakit”

Fauziah Mahamad,
Pesakit

Berita Harian

10/08/2018

MS 08

(FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH)



Dr Dzulkefly melakukan lawatan di Hospital Kajang, semalam.



Hospital Kajang

- Dibina pada 1889 (129 tahun) di tapak seluas 6.47 hektar
- Berstatus hospital pakar major dengan 15 perkhidmatan kepakaran meliputi disiplin Perubatan Am, Nefrologi, Endokrinologi, Perubatan Kecemasan, Pembedahan Am, Ortopedik, Pediatrik, Perbidanan dan Sakit Puan, Anestesia, Psikiatri, Bedah Mulut, Pergigian Pediatrik, Pergigian Keperluan Khas, Radiologi dan Patologi.
- Ada perkhidmatan doktor pakar pelawat meliputi dermatologi, perubahan dada dan penyakit berjangkit.
- Jumlah kakitangan tetap seramai 1,345 orang, termasuk 55 pakar perubatan dan pakar pergigian (empat), pegawai farmasi lantikan kontrak (25) dan pegawai perubatan latihan siswazah lantikan kontrak (112).

Hospital Kajang sesak terlampau

➔ Penggunaan katil harian capai 150 peratus, terpaksa guna ruang koridor

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
mriduwan@nstp.com.my

▀ Kajang

Kadar penggunaan katil harian di Hospital Kajang kini mencapai 150 peratus hingga menyumbang kepada kesesakan di wad, klinik pakar atau jabatan kecemasan hospital yang berusia 129 tahun itu.

Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kesesakan itu berlaku sejak beberapa tahun lalu berikutan peningkatan ketara bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital berkenaan.

“Keadaan itu memberi ketidak-

selesaian dan tekanan kepada kakitangan bertugas dan pesakit. Pada masa sama, dasar hospital komited untuk memberi perkhidmatan rawatan dan tiada sekatan bilangan pesakit turut menyumbang kepada masalah itu.

“Berdasarkan lawatan saya tadi (semalam) termasuk ke wad bersalin, wad lelaki dan kanak-kanak, ruang sesak hingga ada katil terpaksa diletak di koridor,” katanya kepada pemberita selepas melawat hospital itu di sini, semalam.

Beliau meluangkan masa sejam meninjau, antaranya wad kanak-kanak, klinik pakar dan wad bersalin sambil diberi penerangan oleh Pengarah Hospital Kajang, Dr Md Fikri Abu Bakar.

Difahamkan, lawatan berkenaan bagi meninjau kesesakan di hospital itu susulan aduan seorang pengguna menerusi Twitter, akhir bulan lalu, yang turut mendapat reaksi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya tindakan diambil segera.

Dr Dzulkefly berkata, pelbagai usaha dilakukan oleh pengurusan hospital bagi mengatasi kesesakan

di wad seperti memaksimumkan penggunaan ruang termasuk koridor.

“Jumlah kedatangan pesakit harian ke Jabatan Kecemasan dan klinik pakar, misalnya mencapai 400 orang.

Pesakit disaran dapat rawatan di hospital berdekatan

“Pesakit turut dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan di hospital berdekatan seperti Hospital Serdang dan Hospital Kuala Lumpur, namun kadar penggunaan katil kekal 150 peratus,” katanya.

Beliau berkata, sebagai penyelesaian jangka pendek, Hospital Kajang diminta membuat permohonan sekurang-kurangnya 15 katil tambahan bagi menampung pertambahan bilangan pesakit untuk kelulusan segera Kementerian Kesihatan.

Katanya, bagi penyelesaian jangka panjang, kerajaan akan membina blok tambahan dan melakukan pengubahsuaian bangunan sedia ada di samping pembinaan Kompleks Rawatan Wanita dan Kanak-Kanak (WCC) di tapak Kuarters

Lama Sungai Jelok di sini, bernilai RM300 juta.

“Projek ini di peringkat reka bentuk dan dijadual siap pada 2021. Ia akan dilengkapi 272 katil tambahan daripada 326 katil sedia ada di hospital ini.

“Projek ini dijangka mampu meningkatkan persekitaran rawatan yang lebih selesa dan kondusif kepada pelanggan,” katanya.

Beliau turut menasihati supaya aspek keselamatan sentiasa dititikberatkan oleh pihak hospital termasuk langkah pencegahan jangkitan penyakit dan tiada halangan untuk laluan ketika berlaku kecemasan.

Sementara itu, tinjauan mendapati wad lelaki paling sibuk berbanding wad lain dengan kehadiran ramai pesakit sehingga jam 5 petang semalam.

Sumber memberitahu, bilangan pesakit direkodkan semalam seramai 378 orang, manakala kadar penggunaan katil harian mencecah 116 peratus.

“Bagi wad lelaki kadar penggunaan katil harian semasa adalah 120 peratus,” katanya.

(112).
➔ **Memberi perkhidmatan** kepada antara 600,000 hingga 700,000 penduduk Mukim Kajang dan kawasan sekitar.

➔ **Dari segi infrastruktur**, masih ada percampuran bangunan lama dan baharu.

➔ **Ada bangunan yang dibina** pada 1910 masih kekal, wad bersalin dibina pada 1960 dan bangunan wad empat tingkat dibina pada 1976.

Projek Naik Taraf Hospital Kajang

➔ **Bernilai** lebih RM300 juta

➔ **Dijangka** siap pada 2021

➔ **Di tapak** kuarters lama Sungai Jelok

➔ **Menempatkan** Kompleks Baharu Rawatan Wanita dan Kanak-Kanak ini yang mempunyai 272 katil.

➔ **14 bilik bersalin**, enam bilik bedah, kemudahan klinik pakar dan pusat rawatan harian serta parkir kenderaan bertingkat.